

Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia

Salmy Edawati Yaacob

Abstrak

Dinar emas merupakan syiling emas yang telah diguna pakai sebelum zaman Islam dan diterima penggunaannya pada zaman Rasulullah s.a.w., sahabat dan para tabi'in sehingga ia dikenali sebagai mata wang umat Islam. Penggunaannya berterusan sehingga zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah pada tahun 1924. Manakala dinar emas zaman moden mula ditempa pada tahun 1992 di Dubai dan cadangan untuk memartabatkan kembali penggunaannya mula dibahaskan setelah negara-negara ASEAN dilanda krisis mata wang yang teruk pada tahun 1997/98. Gesaan ini telah dibuat oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Muhammad pada tahun 2001 dan baru-baru ini (Januari 2012) beliau membangkitkan kembali isu ini dengan mencadangkan tambatan nilai ringgit kepada emas. Persoalan di sini; setelah lebih sepuluh tahun gesaan ini dibuat, adakah masyarakat Malaysia hari ini boleh menerima penggunaan dinar emas sebagai salah satu instrumen dalam kewangan atau sebaliknya? Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk penggunaan dinar emas di Malaysia dan cuba mendedahkan semua aplikasi semasa dinar emas yang telah diamalkan di Malaysia setelah sepuluh tahun cadangan dibuat. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil strategi pendekatan kajian kepustakaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa penggunaan dinar emas antaranya sebagai mata wang fizikal dan sistem pembayaran elektronik (e-dinar), pelaburan, simpanan, urusan haji, pembayaran zakat, cenderamata dan sebagai hantaran perkahwinan. Kajian ini telah membuktikan bahawa dinar emas sudah mula diterima oleh sebahagian masyarakat Malaysia dan sekali gus usaha memartabatkan penggunaannya sebagai mata wang mampu untuk direalisasikan.

Kata kunci: dinar emas; mata wang Islam; aplikasi kewangan; krisis ekonomi; sistem monetari.

Abstract

Gold dinar is the gold coin that was adopted and used long before the Islamic era and was later accepted during the time of the Prophet s.a.w. (peace be on him), his companions and the tabi'in (the generation of Muslims who were born after the death of the Islamic prophet Muhammad s.a.w.) until it was known as the currency of the Muslims. It continued to be used until the fall of the Ottoman Turkish government in 1924. Whilst the first modern gold dinar was minted in 1992 in Dubai, suggestions to regain its use as a currency mechanism applauded debates after the befall of the currency crisis of the ASEAN countries in 1997/98. The call was made by former Prime Minister of Malaysia, Tun Dr. Mahathir

Mohammed in 2001, and recently (January 2012) he raised another issue and proposed for the re-pegging of ringgit to gold. The question here; after more than 10 years after this call was made, has the Malaysian community today accepted the use of gold dinar as a financial instrument or the contrary? Thus, this study aims to analyze the forms of gold dinar applications in Malaysia in its attempt to disclose all current applications of gold dinar practiced in Malaysia after a decade of its proposal. This study is a qualitative form taking the strategic approach of literature review. The results of the study show that there are some applications of gold dinar as a currency i.e. in a physical form and via electronic (an electronic payment system called e-dinar), as a form of investment, savings, payment transaction for pilgrimage purposes, zakat payment, souvenirs, and as a wedding dowry. This study also shows that the use of gold dinar as a currency mechanism has been widely received by parts of the Malaysian society and thus efforts to elevate its use as a currency is true to be realized.

Keywords: *gold dinar; Islamic currency; financial applications; economic crisis; monetary system.*

Pendahuluan

Ketidakstabilan mata wang merupakan salah satu penyumbang utama kepada krisis ekonomi global. Hal ini dapat dilihat bermula pada zaman kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1933 (*The Great Depression*), krisis peso Mexico pada tahun 1995, krisis kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asia (1997/98), krisis rubel di Rusia pada tahun 1998 sehinggalah yang terkini iaitu krisis ekonomi global pada tahun 2008. Krisis ekonomi ini berlaku kerana wujudnya ketidakstabilan nilai mata wang *fiat* yang diguna pakai dalam sistem ekonomi dunia. Rentetan itu, timbul cadangan untuk menggunakan kembali dinar emas sebagai mata wang dalam sistem monetari dunia (Salmy Edawati 2011).

Dinar emas mula digunakan pada zaman Rom dan Parsi dengan nama *denarius*. Penggunaannya meluas sehingga ke tanah Arab dan telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w., zaman Khulafa' al-Rashidin dan zaman-zaman selepas itu sehingga ke zaman Uthmaniyyah. Nama dinar diambil sempena nama mata wang emas Rom *denarius*, orang Arab memanggilnya 'dinar'. Dinar dan dirham Islam pertama juga telah diperkenalkan pada zaman tersebut iaitu sewaktu pemerintahan khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan. Dinar emas Islam adalah syiling emas berbentuk bulat yang mempunyai berat 4.25 gram dengan menggunakan emas 917 dan 24 karat. Jenis dan berat ini disebut sebagai timbangan syarak yang telah disepakati oleh para fuqaha pada masa itu. Oleh sebab itulah, dinar emas dikaitkan sebagai mata wang umat Islam dan disebut sebagai mata wang *syar'i* atau mata wang Islam pada hari ini. Penggunaan dinar emas telah berakhir pada tahun 1924 setelah kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah (Salmy Edawati 2009).

Selepas kejatuhan kerajaan Turki pada tahun 1915, maka berakhirilah dinar emas dan dirham perak dalam sistem kewangan dunia. Menurut Vadillo (2002) dinar emas dunia moden pertama telah ditempa dan dilancarkan pada 7 November 2001 oleh Islamic Mint yang bergabung dengan Thomas Cook Rostamani Exchange Company dan Dubai Islamic Bank di Amiriah Arab Bersatu (UAE). Dinar emas ini boleh diperolehi dari cawangan-cawangan Thomas Cook Rostamani Wxchange Company dan Dubai Islamic Bank di kesemua tujuh negara UAE (Rosli 2007). Menurut Dahinden (2008), sehingga hari ini terdapat lima kilang dinar emas di dunia iaitu di Dubai, Sepanyol, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu dan Indonesia. Manakala Royal Mint of Malaysia pula merupakan pengeluar dinar emas pertama di Malaysia (*Utusan Malaysia*. 2008. 22 Januari). Dinar emas Royal Mint dilancarkan pada 27 Julai 2003 di Shah Alam (Dahinden 2008). Selain itu, terdapat juga Dinar Emas Kelantan

(DEK) yang dirasmikan penggunaannya pada 21 Mei 2006. DEK adalah kelolaan kerajaan Negeri Kelantan di bawah kendalian Kelantan Golden Trade. Manakala yang terkini adalah Dinar Emas Public Gold yang mula dikeluarkan pada Februari 2009 oleh Public Fine Gold International Sdn Bhd.

Kajian paling awal (setelah kejatuhan kerajaan Turki) mengenai penggunaan fizikal dinar emas telah dilakukan oleh al-Maqrizi (1957) pada zaman kerajaan Mamluk. Selepas itu terdapat beberapa kajian lain yang telah dilakukan, antaranya ialah kajian oleh Vadillo (2002), Ahamad Kameel (2002), Nuradli Ridzwan Shah (2003), Zuhaimy (2003), Muhammad Nasri & Azizi (2004) dan Hosein (2008). Idea dan cadangan untuk mengembackkan penggunaan dinar emas dalam sistem mata wang bukanlah perkara baru kerana al-Maqrizi (1957) dalam bukunya *Ighathah al-Ummah bi Kashfi al-Ghumma* dengan jelas menyentuh mata wang umat Islam adalah daripada emas dan perak. Beliau yang pernah hidup di zaman Mamluk menyaksikan dengan jelas permasalahan dalam sistem monetari apabila negaranya dilanda inflasi yang teruk akibat percetakan tembaga secara berleluasa sebagai mata wang pecah (*fulus*). Al-Maqrizi (1957) menegaskan bahawa penggunaan dinar emas fizikal sebagai mata wang boleh mengelak inflasi. Mata wang tembaga pada masa itu boleh mewujudkan inflasi kerana tembaga mudah dicipta dan dihasilkan berbeza dengan mata wang emas dan perak. Justeru, al-Maqrizi (1957) telah menggariskan tiga perkara utama yang perlu dibangunkan bagi mencapai kestabilan sistem monetari dan ekonomi dalam sesebuah negara. Tiga perkara tersebut ialah menggunakan emas dan perak sebagai mata wang, mengelakkan pengurangan nilai dalam mata wang (*devaluation*) dan mengehadkan percetakan *fulus* (wang pecah).

Kajian al-Maqrizi (1957) berkaitan dengan penghapusan inflasi melalui penggunaan kembali mata wang dinar dan dirham merupakan satu kajian yang bernilai dan amat penting pada masa itu kerana era tersebut merupakan evolusi awal peralihan daripada sistem *bimetallic* (dwilogam) kepada sistem wang kertas. Zaman tersebut juga amat berbeza dengan zaman sekarang yang telah melalui perkembangan ekonomi yang pesat. Walau bagaimanapun, krisis mata wang dan inflasi yang berlaku pada zaman sekarang, terutama krisis mata wang pada tahun 1997 adalah keadaan sama yang pernah disebut oleh al-Maqrizi. Krisis mata wang 1997 menyaksikan lambakan mata wang Asia sehingga menjatuhkan nilai mata wang secara mendadak. Menurut Mahathir (2000), krisis mata wang Asia ini berlaku disebabkan serangan spekulatif ke atas mata wang negara-negara Asia melalui kegiatan jualan singkat oleh pedagang-pedagang mata wang. Serangan spekulatif ini telah menjatuhkan nilai mata wang ringgit Malaysia, baht Thailand dan rupiah Indonesia. Rentetan itu, inflasi yang teruk telah berlaku kerana inflasi akan meningkatkan kos pengeluaran dan akan menyebabkan kejatuhan nilai (Jefferson 1977; Harris 1975).

Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohammad selaku Perdana Menteri Malaysia pada masa itu mencadangkan penggunaan kembali dinar emas. Ini kerana, sistem monetari dunia semasa gagal menangkis serangan spekulator mata wang sehingga mengakibatkan mata wang di kebanyakan negara termasuk Malaysia jatuh mendadak pada tahun 1998 (Anon. 2002a). Mata wang utama dunia seperti dolar AS dan pounds sterling boleh mempengaruhi mata wang tempatan dan akan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi di negara-negara Timur Tengah dan Asia. Oleh itu, Mahathir (2005) berpendapat dinar emas merupakan satu mekanisme penting untuk membantu negara-negara kecil daripada ketidakstabilan dan ketidakadilan dalam sistem ekonomi global.

Cetusan idea dan cadangan Tun Dr. Mahathir itu menjadi titik mula gerakan ke arah penggunaan kembali dinar emas. Vadillo (2002) menganggap usaha ini sebagai petunjuk positif bagi Malaysia dalam melaksanakan dinar emas. Kajian terkini yang dilakukan oleh Mohd Mazli (2010) terhadap penggunaan dinar emas sebagai mata wang telah mengenal pasti beberapa tempat di Malaysia yang menerima dinar dan dirham dalam transaksi harian. Antara tempat yang menerima mata wang tersebut ialah Pasar Besar Siti Khadijah di bandar Kota Bharu Kelantan, Kedai Emas W.N Haji Wan Ahmad di Shah Alam, Restoran

dan Cafe Nasi Kukus House di Bangi dan Klinik Pergigian Dr. Rosni Adam di Cheras, Selangor. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk penggunaan dinar emas di Malaysia dan cuba mendedahkan semua aplikasi semasa dinar emas yang telah diamalkan di Malaysia setelah 10 tahun cadangan dibuat.

Aplikasi Semasa Dinar Emas di Malaysia

Sehingga kini terdapat beberapa alternatif penggunaan dinar emas yang telah dicadangkan dan dilaksanakan iaitu penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa, sistem pembayaran elektronik (e-dinar), pelaburan, simpanan, pembayaran zakat, cenderamata dan sebagai hantaran perkahwinan.

Dinar Emas dalam Perdagangan Antarabangsa

Pada peringkat permulaan penggunaan dinar emas, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya dinar emas digunakan dalam perdagangan antarabangsa melalui Sistem Pembayaran Dua Hala (BPA) dan Pelbagai Hala (MPA). Sebelum ini Malaysia telah menandatangani perjanjian BPA dengan 24 buah negara dan berhasrat dapat menggunakan konsep dinar emas dengan ke semua negara tersebut. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop selaku Menteri Kewangan II Malaysia pada masa itu telah diamanahkan untuk mengetuai misi ini. Penggunaan dinar emas dalam BPA melibatkan perdagangan antara dua negara, dan setakat ini sudah terdapat tiga buah negara yang berminat dan bersetuju untuk berdagang dengan Malaysia melalui penggunaan dinar emas iaitu Iran, Bahrain dan Sudan (Anon. 2002b).

Menurut proposal Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (2002), proses pelaksanaan BPA adalah melibatkan dua buah negara yang bersetuju menjalankan urusan import eksport. Perbezaan jumlah eksport dan import antara negara inilah yang akan dinilai dalam dinar emas. Sebagai contoh; syarikat A di Malaysia mengeksport getah ke syarikat C di Arab Saudi sebanyak satu juta dolar AS. Syarikat C akan membuat pembayaran dalam bentuk rial kepada bank pusat Arab Saudi dan bank pusat menukarkannya dalam bentuk dolar AS untuk dibayar kepada bank pusat Malaysia. Syarikat A akan menerima bayaran tersebut dalam ringgit Malaysia daripada Bank Negara Malaysia (BNM). Begitu juga sebaliknya apabila Syarikat B dari Malaysia mengimport minyak mentah dari syarikat D di Arab Saudi sebanyak 500,000 dolar AS. Masing-masing akan membuat dan menerima bayaran dalam bentuk mata wang negara masing-masing. Perkembangan perdagangan akan dinilai tiga bulan sekali. Selepas tiga bulan Arab Saudi berhutang dengan Malaysia sebanyak 500,000 dolar AS. Maka, di sinilah peranan dinar emas di mana penjelasan baki tersebut akan dinilai dalam dinar (mengikut harga emas semasa). Penjelasan ini akan dibuat di *Bank of England* yang berperanan memindahkan jumlah tersebut daripada akaun simpanan emas Arab Saudi ke akaun simpanan emas Malaysia sebanyak nilai dinar yang bersamaan 500,000 dolar AS tadi.

Ahamed Kameel (2002) menyokong kaedah ini dan menganggap ia sebagai satu sistem yang adil kerana lebih nilai dagangan dinilai dengan harga semasa emas yang lebih stabil berbanding wang *fiat* dan ini tidak akan merugikan mana-mana negara. Ia juga akan menjadi satu alternatif untuk menghapuskan kebergantungan kepada US dolar dalam perdagangan antarabangsa dan ini akan memberi kelebihan kepada negara-negara kecil (Hassanuddin 2005). Semua negara boleh menyertai sistem ini walaupun tidak mempunyai simpanan dinar yang banyak (Ahamed Kameel 2002).

Noradli *et al.* (2004) juga menjelaskan bahawa sistem BPA praktikal untuk dilaksanakan dengan menggunakan dinar emas kerana ia menguruskan transaksi dalam skala besar antara pengeksport dengan pengimport. Barang-barang yang diimport oleh pengimport akan dijual dalam negara kepada pengguna akhir. Seterusnya, pemborong dan peruncit

boleh membeli daripada pengimport ini dan mereka tidak berurusan menggunakan mata wang emas tetapi dalam mata wang tempatan sebelum barangan tersebut diedarkan kepada pengguna. Sekiranya penggunaan e-dinar dalam *e-commerce* mendapat sambutan masyarakat umum, maka tidak mustahil sistem pembayaran elektronik yang menggunakan emas sebagai dinominasi mata wang akan menjadi realiti dalam sistem perdagangan antarabangsa. Beliau juga menyatakan ciri-ciri sistem BPA yang menggunakan dinar emas iaitu:

1. Pengimport dan pengeksport diawasi oleh bank pusat.
2. Pengimport dan pengeksport boleh menggunakan kemudahan bank untuk menguruskan urusan niaga mereka.
3. Tidak menggunakan fizikal emas sebagai pemindahan baki, hanya jika perlu sahaja.
4. Tiada kerugian dalam pertukaran dan risiko mata wang.
5. Pelaksanaannya hampir sama dengan BPA biasa cuma ia menggunakan dinominasi emas.
6. Ia dibentuk mengikut prinsip syariah.
7. Sesuai kepada pengimport dan pengeksport besar dalam pasaran.
8. Mengadakan hubungan dengan pasaran bebas dan meluaskan jaringan perdagangan serta meningkatkan hubungan kerjasama dengan pihak bank.
9. Jaminan bayaran oleh pengeksport dalam ringgit tanpa ada risiko hutang.
10. Mengurangkan kos transaksi dan mempromosi kerjasama ekonomi antara negara.

Namun, sehingga sekarang sistem ini masih belum dapat dilaksanakan walaupun pernah dihebohkan pelaksanaannya bermula pada Oktober 2003 (Parker 2002). Menurut Mahathir Mohamad (2005) sistem ini tidak dapat dijalankan kerana negara-negara OIC masih belum bersedia dan tiada keyakinan untuk menggunakan dinar emas dalam perdagangan. Noradli *et.al* (2004) berpendapat bahawa terdapat tiga faktor penting yang menghalang negara-negara OIC memberi kerjasama dalam hal ini iaitu terdapat perbezaan keadaan ekonomi antara negara, pergolakan politik dan kemudahan infrastruktur yang terhad. Buat masa ini hanya empat negara yang menunjukkan minat kepada penggunaan dinar emas iaitu Malaysia, Iran, Bahrain dan Sudan. Mata wang dwi sistem akan digunakan sekiranya empat buah negara tersebut mengadakan perdagangan dengan negara yang tidak menggunakan dinar emas. Penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa masih gagal dilaksanakan juga disebabkan masyarakat sudah sebatang dengan sistem sedia ada dan sukar untuk menerima mata wang dalam bentuk emas dan perak.

Dinar Emas sebagai Sistem Pembayaran Elektronik- E-Dinar Ltd. dan Web Dinar System

Sehingga hari ini di Malaysia sudah terdapat beberapa transaksi urusan niaga yang dijalankan menggunakan unit dinar melalui sistem pembayaran elektronik. Antara sistem yang telah diaplikasikan ialah sistem *E-Dinar* yang dibangunkan oleh E-Dinar Ltd.. Manakala Web Dinar mula beroperasi pada September 2009.

1. **E-Dinar**
E-dinar ialah satu sistem pembayaran dan pertukaran elektronik menerusi *internet*. *E-dinar* beroperasi dalam e-dagang yang mana urusan jual beli atas talian dilakukan dalam nilai emas dan perak. Istimewanya sistem e-dinar kerana ia disokong oleh seratus peratus emas dan perak fizikal. Unit yang digunakan ialah e-dinar dan e-dirham. Fizikal emas dan perak yang menyokong unit-unit e-dinar dan e-dirham ini akan sentiasa sama nilai atau lebih daripada unit-unit e-dinar dan e-dirham dalam edaran. Setiap unit elektronik e-dinar bersamaan dengan berat tepat dan tetap 4.25 gram emas tulen 24k (Dahinden 2008).

Ahamed Kameel (2002) menganggap inovasi baru penggunaan dinar emas ini adalah untuk mengelakkan pegangan emas ke merata tempat, dan sekaligus untuk kemudahan dan keselamatan pengguna. Sistem kad seperti debit dan kredit juga akan diserap ke dalam sistem pembayaran elektronik dinar emas ini. Pemegang akaun *e-money* boleh menukarkan nilai dalam bentuk emas. Sistem *e-Dinar* diasaskan pada bulan Ogos 2000 di Labuan, Malaysia dan berpusat di Dubai Corporation, Dubai (Dahinden. 2008). Sehingga hari ini E-dinar Ltd. mempunyai kira-kira AS\$10 juta duit syilingnya dalam edaran di seluruh dunia dan AS\$40 juta lagi atau hampir empat tan emas dalam sistem e-dinar (*Utusan Malaysia* 2008). Emas dan perak fizikal bagi sistem e-dinar disimpan oleh Emirates Gold DMCC di Dubai dan Embraport di Switzerland. Jumlah pemegang akaun sistem e-dinar sehingga bulan Jun 2008 mencatatkan bilangan seramai 9,000 orang dan 6,000 daripadanya merupakan ahli aktif yang mempunyai kedua-dua akaun iaitu akaun e-dinar dan e-dirham (Dahinden 2008). Kelebihan sistem e-dinar menurut Dahinden (2008):

- a. Satu sistem pembayaran dan pertukaran yang halal dan dibentuk mengikut kehendak syariah.
- b. Nilai e-dinar dan dirham disokong seratus peratus dengan nilai fizikal emas dan perak.
- c. Yuran yang dikenakan hanya satu peratus daripada jumlah transaksi tetapi maksimum 0.015 (-1.90 USD) bagi transaksi e-dinar dan maksimum untuk dirham adalah 0.5 (0.88 USD) bagi e-dirham.
- d. Pembayaran segera tanpa penangguhan dan berlaku pada masa yang sebenar (*real time*) secara terus tanpa melibatkan institusi perbankan ataupun orang tengah.
- e. Pemegang akaun e-dinar diberi pilihan sama ada untuk menukarkan e-dinar dan e-dirham dalam bentuk mata wang kertas ataupun ditukar dengan fizikal emas.
- f. Nilai aset yang terjamin tanpa ada risiko susut nilai.

Muhammad Nasri & Ishak (2004) mencadangkan penggunaan kad pintar dalam e-dinar. Penggunaan kad pintar yang dicadangkan ini adalah sebagai alat penggunaan harian. Nilai yang terdapat dalam kad pintar adalah mewakili nilai dinar emas yang dimiliki dalam akaun e-dinar. Pengguna hanya perlu membawa kad pintar atau kad debit ini untuk menjalankan urusan niaga harian. Kad pintar ini berperanan seperti wang kertas pada hari ini cuma bezanya ia mempunyai sokongan emas fizikal di dalam bank.

2. Sistem Web Dinar

Web Dinar ialah satu sistem perdagangan atas talian yang menggunakan nilai dinar emas dalam transaksi pembayaran. Matlamat utama pembangunan sistem ini adalah untuk mewujudkan satu sistem perdagangan secara atas talian yang mengikut prinsip syariah dengan mempromosi penggunaan mata wang Islam iaitu dinar emas sebagai satu transaksi yang halal (Webdinar 2011). Sistem web dinar ini menghasilkan empat cabang utama iaitu:

- a. Portal D2D;
- b. Kad dinar (pendaftaran ahli);
- c. Mata wang dinar emas (isian semula nilai/*top up*); dan
- d. Kad pembayaran dinar (menentu sahkan bayaran).

Sebagai permulaan dalam melaksanakan sistem ini, kad dinar emas Islam (IGD) akan ditawarkan kepada pelanggan Bank Islam. Keunikan kad ini ialah kerana mengikut prinsip syariah dan tidak akan mewujudkan inflasi, manipulasi serta spekulasi. Penggunaan kad IGD untuk barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Bank Islam akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu bank dan pemegang kad. Nilai kad ini boleh digunakan sama ada untuk pembelian barangan dan perkhidmatan Islam ataupun untuk mengekalkannya sebagai satu pelaburan. Ini kerana nilai emas tidak sama dengan nilai mata wang kertas yang tidak akan susut

nilai dengan inflasi. Di samping itu juga, pelanggan (pendeposit) Bank Islam juga akan ditawarkan kad IGD sebagai satu alternatif pembayaran untuk menunaikan haji di Mekah.

Pelaburan Dinar Emas

Pelaburan yang berasaskan dinar emas di Malaysia dikendalikan oleh e-Qirad Sdn Bhd dan Public Fine Gold International Sdn Bhd.

1. E-Qirad Sdn Bhd

E-Qirad Sdn Bhd merupakan anak syarikat Islamic Mint yang bertanggungjawab dalam penempatan dinar emas di Dubai. E-Qirad Sdn Bhd melantik *wakala-wakala* (ejen) di seluruh dunia bagi mengendalikan pelaburan dinar emas (Zuhaimy 2003; Vadillo 2002). Pelanggan yang membuka akaun simpanan dinar emas berpeluang untuk menyertai pelaburan yang dinamakan *Islamic Hybrid Instrument* (IHI). Simpanan minima yang diperlukan untuk menyertai pelaburan ini ialah 25 dinar bagi individu dan 100 Dinar bagi syarikat dan koperasi (KPMJ Gold Sdn Bhd. 2006). Pelabur ditawarkan dengan dua pilihan pelaburan yang menawarkan pulangan pelaburan yang menarik. Pelaburan dinar emas adalah berlandaskan prinsip *mudharabah*. Contoh pelaburan dinar emas yang dikendalikan oleh Koperasi Permodalan Melayu Johor adalah seperti berikut (KPMJ Gold Sdn Bhd 2006):

Pilihan 1:

- a. Modal dan keuntungan ditambah pada harga dinar yang dibeli pada awal pelaburan. Ini bermakna harga dinar emas pelabur tidak akan berubah sepanjang tempoh pelaburan. Pelabur tidak perlu risau tentang perubahan harga emas di pasaran dunia.
- b. Kadar keuntungan antara lapan hingga sembilan peratus setahun (anggaran paling minimum).
- c. Tempoh pelaburan ialah 24 atau 36 bulan.
- d. Keuntungan dibayar dalam Ringgit Malaysia setiap bulan. Keuntungan mula dinikmati sebulan selepas pelaburan bermula.
- e. Modal pelaburan akan dipulangkan dalam nilai Ringgit Malaysia setelah tamat tempoh pelaburan.
- f. Modal pelaburan adalah terjamin.

Pilihan 2:

- a. Modal dan keuntungan bergantung kepada harga pasaran semasa. Harga dinar pelabur berubah mengikut harga pasaran emas semasa dunia.
- b. Kadar keuntungan ialah 11 peratus setahun (anggaran paling minimum).
- c. Tempoh pelaburan ialah 12 bulan, 24 atau 36 bulan.
- d. Keuntungan dibayar dalam dinar emas setiap bulan dan dikreditkan ke akaun dinar pelabur di KPMJ Gold.
- e. Modal pelaburan akan dipulangkan dalam bentuk dinar emas selepas tamat tempoh pelaburan.
- f. Modal pelaburan terjamin (nilai Ringgit Malaysia bergantung pada harga pasaran semasa dinar emas).

2. Public Gold

Public Gold merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti menjual dan membeli emas untuk pelaburan dengan harga menarik dan kualiti 24K. Ia menawarkan syiling emas dan jongkong emas kepada pembeli. Untuk syiling emas terdapat syiling emas Public Gold 50 gram (emas 24K) dan Dinar Emas Public Gold, manakala bagi jongkong emas pula, terdapat dalam saiz 20 gram, 50 gram dan satu kg (emas 24K). Dinar emas Public Gold merupakan produk terbaru yang dikeluarkan dalam tiga nilai iaitu satu dinar, lima dinar dan 10 dinar.

	1 Dinar	5 Dinar	10 Dinar
Bentuk			
Diameter	20mm	32mm	38mm
Logam	Emas	Emas	Emas
Berat	4.25 gram	21.25 gram	42.5 gram
Ketebalan	0.72mm	1.5mm	2.18mm
Ketulenan	916.6	916.6	916.6

Rajah 1: Spesifikasi Dinar Emas Public Gold
Sumber: Public Gold 2011

Simpanan dinar emas sebagai aset juga merupakan satu pelaburan yang baik berbanding dengan pelaburan-pelaburan biasa yang tidak berasaskan emas. Pelaburan dinar emas akan memberi jaminan nilai dan lebih selamat (Zuhaimy 2003). Umar (2002) menyatakan sepuluh sebab untuk masyarakat memilih emas sebagai pelaburan:

- Tiada risiko kehilangan semua wang walaupun nilai pasaran emas sentiasa berubah.
- Kadar pertukaran lebih perlahan dan stabil berbanding dengan pelaburan instrumen lain.
- Tidak membawa risiko kredit dan merupakan aset yang selamat.
- Emas lebih cair berbanding aset alternatif lain.
- Emas bukan tanggungan sesiapa.
- Mempunyai rekod jangka panjang yang baik dalam mengekalkan nilai sebenar.
- Selamat dan aset kewangan yang terjamin.
- Komoditi yang bernilai dan kukuh yang mempunyai potensi untuk nilai yang sentiasa meningkat.
- Digunakan sebagai alat terhadap inflasi.
- Satu objek perhiasan dan kecantikan yang tiada tandingan.

Dinar Emas dalam Pembayaran Zakat, Menunaikan Haji dan Hantaran Perkahwinan

Dinar Emas Kelantan (DEK) yang dilancarkan pada 21 Mei 2006 telah memberi peluang kepada rakyat Kelantan khasnya dan masyarakat Malaysia amnya dalam menikmati kelebihan dinar emas dalam pelbagai aktiviti. DEK dapat digunakan sebagai simpanan, pelaburan, pembayaran zakat, cenderamata dan sebagai hantaran perkahwinan. Kelantan menjadi negeri pertama di Malaysia yang menerima pembayaran zakat dalam bentuk dinar emas. Masyarakat Kelantan boleh membayar zakat dan mendapatkan dinar emas di semua lapan cawangan kedai gadaian Islam Kelantan (Dinar Kelantan 2011). Di Indonesia juga sudah terdapat beberapa tempat yang menerima dinar emas sebagai alat bayaran zakat

dengan mewujudkan wakala atau institusi khas (Hamidi 2007), manakala penggunaan dinar emas sebagai hantaran perkahwinan juga sudah mula diamalkan oleh segelintir masyarakat di Malaysia. Pada tahun 2001, pasangan artis Malaysia, M.Nasir dan Marlia Musa menjadi pasangan terawal yang menjadikan dinar emas sebagai mas kahwin (*Utusan Malaysia* 2001).

Kesimpulan

Krisis kejatuhan mata wang Asia pada tahun 1997 telah memberi hikmah besar kepada umat Islam apabila isu penggunaan kembali mata wang Islam yang mempunyai nilai hakiki (*intrinsic value*) adil, stabil, tanpa riba dan *gharar* mula dibincangkan kembali. Cadangan penggunaan dinar emas mula disarankan oleh bekas perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Muhammad dan isu ini mula mendapat perhatian ahli ekonomi ulama Malaysia. Susulan daripada itu, penempaan dinar emas mula dilakukan di Malaysia yang dimulai dengan Islamic Mint, Royal Mint dan yang terkini Kelantan Golden Trade (dinar emas Kelantan). Penempaan ini dipandang positif dalam merealisasikan penggunaan dinar emas kerana ia merupakan langkah pertama dalam memperkenalkan dan mempromosi dinar emas kepada rakyat Malaysia. Apabila dinar emas mula beredar, pelbagai kaedah penggunaannya mula diperkenalkan antaranya ialah; sebagai mata wang dan transaksi pembayaran elektronik (e-Dinar dan Web Dinar), pembayaran zakat, urusan haji, pelaburan, simpanan, hadiah dan sebagai hantaran perkahwinan. Perkembangan penggunaan dinar emas di Malaysia dipandang positif apabila penggunaannya sentiasa diperluas dan dipelbagaikan dari semasa ke semasa. Kajian ini telah membuktikan bahawa dinar emas sudah mula diterima oleh sebahagian masyarakat Malaysia dan sekaligus usaha memartabatkan penggunaannya sebagai mata wang mampu direalisasikan.

Rujukan

- Ahmed Kameel Mydin Meera. 2002. *The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Anon. 2002a. Dr. M tunggu OIC kerana penggunaan dinar emas. *Utusan Malaysia*. 29 Jun: 12.
- Anon. 2002b. Malaysia guna dinar emas dengan tiga negara Asia Barat, 2 Mei 2002.
- Anon. 2006. *Risalah Syarikat*. Johor: KPMNJ Gold Sdn Bhd.
- Dahinden, Zeno. 2008. Interview with e-dinar's CEO Dr. Zeno Dahinden: Analysis of the world finance system, *DGC Magazine*, Issue November 2008.
- Dinar Kelantan. 2009b. Dinar dan dirham Kelantan. <http://www.dinarkel.com>. [23 September 2011]
- Hamidi M Lutfi. 2007. Gold Dinar: Sistem Monitor Global yang Stabil dan Berkeadilan, Jakarta: Senayan Abadi Publications
- Harriss, C. L. 1975. *Inflation: Long-Term Problems*. New York: Academy of Political Science.
- Hasanuddin Abdul Aziz. 2005. 'Globalisasi Dinar Emas dan Dunia Islam', Pemikir, bil 35 (Jan-Mac 2005).
- Hosein, Imran N. 2008. *Dinar Emas dan Dirham Perak: Islam dan Masa Depan Wang*. Kuala Lumpur :Darul Fikir
- Jefferson, M. 1977. *A Platform Book: Inflation*. London: John Calder Ltd.
- Mahathir Mohamad. 2000. *Krisis Mata Wang Malaysia: Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- al-Maqrizi, Taqi al-Din Ahmad. 1957. *al-Ighathah al-Ummah bi Kashfi al-Ghummah*, Kaheerah: Matba'ah Li al-Jannah.
- Mohd Mazli Alias. 2010. Dinar dan dirham: penggunaan terkini 2010. Kertas Kerja Minisiri Dinar Emas 2010: Kebangkitan Dinar Emas dalam Muamalah Ummah. Anjuran Persatuan Ulama Malaysia dan al-Qafilah International, Kuala Lumpur, 22 Disember.
- Muhammad Nasri Hussain & Azizi Abu Bakar. 2004. 'Potensi dinar emas sebagai mata wang utama dunia: Teori dan praktis. *Prosiding Seminar Kebangsaan Perbankan dan Kewangan Islam 2004*. Kuala Lumpur.
- Muhammad Nasri Hussain & Ishak Abd Rahman. 2004. Matawang Dinar Emas sebagai Persediaan Globalisasi, *Globalisasi dalam Perspektif: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur.
- Nor Mohamed Yakcop. 2002. The role of central banks in the implementation of the gold dinar proposal. Kertas kerja Seminar Antarabangsa: Gold Dinar In Multilateral Trade di Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM, Kuala Lumpur.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Hanifah Abdul Hamid dan Bakhtiar al-Razi. 2004. *The Mechanisme of Gold Dinar*. Kuala Lumpur: A.S Noorden.
- Parker, Mushtak. 2002. Malaysia hopes to start using islamic gold dinar in trade. *Arab News: Saudi Arabia's First English Language Daily*. 25 November 2002.
- Public Gold. 2010. Our product. <http://www.publicgold.com.my>. [7 Julai 2011].
- Rosli Yaakop 2007. Gold dinar: The Kelantan experience. International Conference on Gold Dinar Economy. Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur.

- Salmy Edawati Yaacob. 2009. Sejarah dinar emas dan kronologi pertukaran mata wang dunia. *Journal of al-Tamaddun* 4: 107-127.
- Salmy Edawati Yaacob. 2011. Dinar emas dan mekanisme pelaksanaannya dalam ekonomi semasa. Tesis PhD. Faculti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Umar Ibrahim Vadillo. 2002. *The Return of the Islamic Gold Dinar*. South Africa: Madinah Press
- Sistem WebDinar. 2009. Web dinar group. <http://www.webdinar.com> [5 September 2011].
- Utusan Malaysia 2008. 22 Jan
- Utusan Malaysia 2001.
- Vadillo, Umar Ibrahim. 2002. *The Return of the Islamic Gold Dinar*. South Africa: Madinah Press.
- Zuhaimy Ismail. 2003. *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Johor: UTM Skudai.

Temubual

Mahathir Mohammad. 2005. Temu bual, 25 September, Kuala Lumpur.

SALMY EDAWATI YAACOB, PhD.
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.
Emel: salmy1001@yahoo.com